

# Kertas cadangan perjanjian tambahan IPP ke Kabinet

Oleh ROZAMAN ISMAIL  
dan HELMI MOHD FOAD

UM - 12/5/2006

gurangkan rizab bekalan elektrik kepada 20 peratus berbanding 40 peratus sekarang bagi mengelakkan syarikat utiliti itu muflis.

Langkah itu dapat menjimatkan ratusan juta ringgit setahun yang pada masa ini terpaksa ditanggung oleh TNB terutama membabitkan IPP dengan pembayaran sebanyak RM4 bilion setahun.

Negara kini mengeluarkan sebanyak 26,000 megawatt (mW) tenaga elektrik dengan kapasiti pengeluaran TNB 18,000 mW manakala 8,000 mW lagi dibekalkan oleh IPP.

Setakat ini sembilan IPP bernaung di bawah lima syarikat konsesi iaitu YTL Power Generation, Malakoff Bhd. Powertech, Sime Darby dan Genting Sanyen dengan masing-masing mempunyai perjanjian konsesi yang berasingan.


Keng Yaik berkata, melalui perjanjian tambahan tersebut, TNB akan membeli bekalan elektrik berdasarkan kapasiti yang diperlukan berbanding pada masa ini syarikat utiliti itu terpaksa membayar margin simpanan tenaga elektrik walaupun ia tidak digunakan.

"Sekarang ini sesetengah IPP kita hanya ambil 40 peratus sedangkan dia sudah ada kapasiti 10 peratus, apa guna? Dia membazir, kita pun membazir dan semua ini satu pembaziran," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, satu lagi aspek yang akan disenaraikan dalam perjanjian tersebut ialah berkenaan penetapan jumlah bekalan elektrik yang perlu dibayar oleh TNB daripada setiap IPP.

Selaras dengan itu, beliau berkata, sebarang permintaan bekalan elektrik yang melebihi kapasiti yang diperlukan, harganya akan ditentukan melalui proses pembida.

"Apa saja pertambahan kapasiti yang diperlukan akan melalui proses pembidaan. Ini akan memastikan TNB dapat membayar dengan harga yang lebih murah," katanya.



ABDULLAH Ahmad Badawi menyatakan sesuatu kepada Lim Keng Yaik pada majlis lawatan kerja ke Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi di Putrajaya, semalam.

PUTRAJAYA 17 Mei - Kementerian Tenaga, Air dan Telekomunikasi akan mengemukakan kertas cadangan mengenai perjanjian tambahan di dalam Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) kepada Kabinet minggu depan bagi mewujudkan suasana 'menang-menang' antara pengeluar tenaga bebas (IPP) dan Tenaga Nasional Bhd. (TNB).

Perkara tersebut merupakan salah satu langkah yang perlu diambil sebelum kerajaan dapat mengumumkan kadar baru tarif bekalan elektrik yang telah dimohon oleh TNB sebelum ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, perjanjian itu adalah bagi menentukan hala tuju IPP dalam industri utiliti negara termasuk membabitkan arahan pengurangan rizab bekalan tenaga elektrik negara daripada 40 peratus kepada 20 peratus.

Sambil menyifatkan langkah itu adalah tepat pada masanya, beliau menyatakan, ia akan memastikan TNB berada dalam kedudukan yang baik manakala masa depan IPP terjamin.

"IPP yang mempunyai konsesi selama 21 tahun sejak 1994 kini hanya mempunyai sembilan tahun lagi (untuk beroperasi), mereka mahu tahu apakah kedudukan mereka selepas ini.

"Jadi kita sudah mulakan perbincangan bagi menentukan masa depan mereka tetapi kalau dianggap mereka sudah dapat lebih keuntungan pada masa sekarang tolonglah TNB untuk selesaikan masalahnya melalui perjanjian dalam konsesi itu," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri sesi taklimat lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke kementerianya di sini hari ini.

Ahad lalu, kerajaan mengarahkan TNB men-